



PEKELILING JAWATANKUASA PENILAIAN DAN PENGGUNAAN KOMPUTER

Bilangan 01 Tahun 2015

PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI (*DESKTOP*) SECARA GERAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tambahan item pembelian perkakasan IT menggunakan geran iaitu komputer peribadi (*desktop*).

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 02 Tahun 2014 yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2014 telah memperjelaskan pembelian komputer riba secara geran.
3. Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) Universiti Teknologi MARA dalam mesyuarat ke-190 pada 30 April 2014 telah bersetuju meluluskan cadangan pembelian komputer peribadi (*desktop*) secara geran.

PELAKSANAAN

4. Geran komputer peribadi (*desktop*) ini bertujuan untuk menjimatkan serta mengurangkan kos pengurusan dan operasi Universiti Teknologi MARA. Penerima geran yang layak adalah seperti di bawah :

- a. Pensyarah yang tidak memegang jawatan pentadbiran

Komputer peribadi (*desktop*) sewaan atau yang dibeli menggunakan peruntukan pengurusan UiTM perlu dipulangkan.

b. Pensyarah yang memegang jawatan Pentadbiran

Sekiranya komputer peribadi samada secara pembelian atau sewaan menggunakan peruntukan pengurusan UiTM diperlukan, permohonan bersama justifikasi perlu dimajukan ke JPPK untuk kelulusan.

5. Staf yang berkelayakan menerima geran ini mestilah bertaraf berjawatan tetap dan telah disahkan jawatan sahaja. Tuntutan bayaran balik geran akan dibuat sekiranya :

- a. staf memilih untuk bersara awal daripada tempoh perkhidmatan.
- b. staf yang diberhentikan kerja atau berhenti secara rela.

Manakala untuk staf yang meninggal dunia tiada bayaran balik yang perlu dibuat oleh waris staf tersebut.

6. Pemberian geran adalah sebanyak RM1,500.00 kepada setiap staf yang berkelayakan untuk tempoh 4 tahun iaitu bersamaan RM375.00 setahun (fleksibiliti dalam pemberian geran untuk memenuhi kes-kes tertentu). Sekiranya berlaku kerosakan dan kehilangan, pemilik bertanggungjawab sepenuhnya dan tiada lagi pemberian geran akan diberikan sehingga tempoh 4 tahun yang seterusnya.

PINDAAN

7. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Naib Canselor Bilangan 02 Tahun 2014.

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada 1 Mei 2015

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh dikeluarkan.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



PROF. SR. IR. DR. HAJI SUHAIMI ABDUL TALIB
Pengerusi
Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer

Dikelilingkan Kepada :

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil Fail : 100 PPF (PTA 9/10/4/JPPK)